



Ruj. Kami : KUDR/ TNBB/A/06/24/0004 (19)
Ruj. Tuan : TNB(B)PERA/ASIT/MSVT4862
Tarikh : 28 Ogos 2024

TENAGA NASIONAL BERHAD
1754, Jalan Dato Seri Kamaruddin,
32040 Seri Manjung,
Perak.
(u.p : Mohammad Rosdi Bin Husin)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA MSVT – SUNTIKAN BARU 2 LITAR
500MMP XLPE DARI PPU P.REMIS KE CAD SSU DI PECAWANG
TMN DESA PANTAI 2.**

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	JALAN CHANGKAT JERING-SERI MANJUNG-KG KOH FT60	JKR MANJUNG	RM 93,700.00 Deposit Keselamatan 100% Dalam Wang Cagaran Kelompok)

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) **Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan sebut harga **QT-06-0004** bertarikh **15 Julai 2024** untuk tindakan selanjutnya pihak tuan/puan.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/06/24/0004 (19)
Tarikh : 28 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA MSVT – SUNTIKAN BARU 2 LITAR
500MMP XLPE DARI PPU P.REMIS KE CAD SSU DI PECAWANG
TMN DESA PANTAI 2**
PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja bermula dari tarikh **20 Ogos 2024** sehingga tamat **19 Februari 2025** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan/Puan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Zulkifli Bin Mat Isa** di talian **019-7790325** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/26/08/24/kudr/zul

